

20,000 kunjungi karnival di UPM

HAMPIR 20,000 pengunjung terdiri daripada graduan, mahasiswa institusi pengajian tinggi (IPT) awam dan swasta (IPTS) membanjiri Karnival Kerjaya Kebangsaan 2007 yang berlangsung di Dewan Besar, Universiti Putra Malaysia (UPM), semalam.

Perkara itu diakui Sekretariat Jawatankuasa Publisiti dan Promosi, Dr Megat Al-Imran Yasin setelah melihat sambutan luar jangkaan pada hari kedua karnival itu berbanding hanya 8,000 pengunjung pada hari pertama.

Beliau berkata, pihaknya menjangkakan jumlah pengunjung terus meningkat hari ini berikutan cuti hu-

jung minggu yang memberi peluang kepada mereka memanfaatkan sepenuhnya karnival itu.

Katanya, karnival yang dirasmikan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak itu menetapkan empat objektif utama, antaranya memberi peluang pelajar khususnya bakal graduan bersemuka dan berinteraksi dengan syarikat dan agensi luar.

"Selain mendedahkan mahasiswa mengenai tatacara memohon pekerjaan dan menghadiri temu duga dengan cara lebih efektif, karnival itu boleh dijadikan platform bagi membantu pelajar menyediakan resume berkualiti.

"Selain itu, graduan juga berpeluang mendapatkan penerangan lanjut mengenai keperluan menyertai sesebuah industri dan peluang pekerjaan kepada mahasiswa apabila mereka tamat pengajian kelak."

Beliau berkata, karnival itu mensasarkan graduan, mahasiswa IPT awam dan swasta (IPTS) dan pelajar sekolah sekitar Lembah Klang.

Katanya, pelbagai program akan dijalankan antaranya pameran industri, ceramah kursus etika sosial, siri ceramah kemahiran insaniah (soft-skills), ceramah industri, pameran produk pembangunan dan penyelidikan, pameran dan temu duga terbuka untuk mahasiswa.



SAMBUTAN: Sebahagian mahasiswa yang mengunjungi Karnival Kerjaya Kebangsaan 2007 di UPM.